

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Sampel

Sampel ialah sekumpulan kecil unsur yang telah diambil daripada satu rangka persampelan. Sampel dikatakan mewakili sesuatu populasi di dalam sebarang tinjauan (survey). Oleh itu, membuat tinjauan adalah untuk membuat kesimpulan tentang populasi berdasarkan maklumat yang terkandung di dalam sampel (Ahmad Mahdzan Ayob, 1985: 45). Manakala populasi pula ialah sekumpulan unsur atau benda (sama ada bernyawa ataupun tidak bernyawa) yang menjadi subjek kepada penyelidikan ini (Ibid.: 44).

Sampel dalam penyelidikan ini terdiri daripada guru dan pelajar. Kesemua sampel dalam penvelidikan ini berjumlah 270 orang, iaitu 200 orang pelajar dan 70 orang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Sampel-sampel itu mewakili Tingkatan 1, 2, 3, 4, dan 5 sama ada sebagai pelajar atau guru dan telah dijadikan responden. Kesemua sampel atau responden penyelidikan ini dikehendaki mengisi borang soal selidik yang telah disediakan. Sampel-sampel itu telah dipilih secara rambang daripada lapan buah sekolah

menengah yang terletak dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan. Lapan buah sekolah tersebut ialah:

- i. Sekolah Menengah Kedai Buloh, Kota Bharu.
- ii. Sekolah Menengah Pengkalan Chepa, Kota Bharu.
- iii. Sekolah Menengah Raja Sakti, Kota Bharu.
- iv. Sekolah Menengah Kubang Kerian (1).
- v. Sekolah Menengah Long Ghafar, Kota Bharu.
- vi. Sekolah Menengah Melor, Kota Bharu.
- vii. Sekolah Menengah Zainab (1), Kota Bharu.
- viii. Sekolah Menengah Jenis Keb.(C) Chung Cheng.

Dalam konteks penyelidikan ini, borang-borang soal selidik (lihat Lampiran B: 202) diedarkan kepada 70 orang guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu di sekolah berkenaan tanpa mengira kelulusan akademik, kelulusan ikhtisas, pengalaman dan jantina mereka. Selain itu, borang-borang soal selidik (lihat Lampiran C: 214) diedarkan kepada 200 orang pelajar dari Tingkatan I hingga V di sekolah berkenaan.

3.1 Pendekatan dan Perkaedahan

Pendekatan dan perkaedahan dalam penyelidikan ini telah dijalankan mengikut pendekatan dan perkaedahan sains, iaitu yang bertujuan untuk mewujudkan hubungan antara satu angkubah dengan angkubah yang lain

khususnya bagi mendapatkan penyeluruhan atau generalisasi.

Dalam penyelidikan ini, maklumat yang hendak dikumpulkan ialah yang berdasarkan kepada kaedah penyelidikan.

3.1.1 Kaedah Penyelidikan

Kaedah sesuatu penyelidikan ialah soal bagaimana tiap-tiap satu objektif atau tujuan penyelidikan itu hendak dicapai (Ibid.: 35). Untuk mencapai tujuan tersebut, penyelidikan ini dijalankan secara penyelidikan tinjauan (survey) dan kepustakaan.

3.1.1.1 Kaedah Penyelidikan Tinjauan

Kaedah penyelidikan tinjauan ini melibatkan tiga perkara. Pertama, penyelidikan ini dibuat secara pengumpulan data, iaitu dengan menyelenggarakan dua bentuk soal selidik yang diberikan kepada responden yang terdiri daripada guru (lihat Lampiran B: 202) dan pelajar (lihat Lampiran C: 214). Pemilihan mereka dibuat mengikut pilihan rambang. Kedua, penyelidik membuat perhatian ke atas situasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang menggunakan bahan sastera hanya di sebuah sekolah yang diselidik. Iaitu

Sekolah Menengah Kedai Buloh, Kota Bharu, waima ikut serta di dalam bilik tingkatan (kelas) atau penyelidik berada di luar bilik tingkatan. Ketiga, penyelidik menemubual guru Bahasa Melayu yang dipilih secara rawak bagi setiap sekolah yang dikaji dengan mengemukakan soalan-soalan yang bersifat terbuka.

3.1.1.2 Kaedah Penyelidikan Kepustakaan

Kaedah penyelidikan kepustakaan pula dilaksanakan dengan cara merujuk kertas kerja, jurnal, monograf, artikel, kajian latihan ilmiah, disertasi dan tesis yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan.

3.1.2 Prosedur Penyelidikan

Untuk mencapai kejayaan dalam penyelidikan ini, langkah-langkahnya adalah seperti berikut:

i. Langkah I

Penyelidik telah menetapkan Jajahan (Daerah) Kota Bharu, Kelantan dan Penggunaan Bahan Sastera Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai tempat dan tajuk (isu) yang diselidik. Berikut diberikan sebab-sebab pemilihan hal tersebut:

- a). Jajahan Kota Bharu ialah jajahan penyelidik dilahir dan dibesarkan.
- b). Penyelidik ditempatkan dan ditugaskan mengajar di Sekolah Menengah Kedai Buloh, dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan bagi subjek Bahasa Melayu di Tingkatan 5A1 (5 Bestari), 5A4 (5 Gigih), dan 5A8 (5 Bijak) serta Pendidikan Seni di 5A2 (5 Pintar), 5A4 (5 Gigih), dan 5A6 (5 Usaha).
- c). Penyelidik mempunyai pengetahuan khususnya tentang penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu setelah terpilih sebagai peserta Kursus Dalam Perkhidmatan selama 14 Minggu di Institut Bahasa Kuala Lumpur melalui Kursus Profesional Kesusastraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia pada tahun 1990.
- d). Penyelidik ialah pendorong, pencetus idea, perancang, penggerak, perintis, penganjur dan pengurus *Seminar Kebangsaan Kesusastraan Dalam*

Pendidikan Bahasa Malaysia pada 6 dan
7 Oktober 1990 di Institut Bahasa
Kuala Lumpur.

ii. Langkah II

Penyelidik telah meminta dan mendapat kebenaran daripada Pengetua Sekolah Menengah Kedai Buloh khasnya dan sekolah-sekolah yang terlibat amnya untuk membuat penyelidikan di sekolah-sekolah berkenaan melalui surat kebenaran yang bertarikh 21 Februari 1997 daripada Profesor Madya Dr. Elaine Morais, Timbalan Dekan/Penyelaras SPBM, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (lihat Lampiran A: 201).

iii. Langkah III

Penyelidik dengan bantuan Penolong Kanan Akademik, Ketua Bidang Bahasa, Penyelia Petang, Ketua Panitia Bahasa Melayu dan guru-guru di sekolah yang tersebut telah mengedarkan borang soal selidik yang telah disediakan untuk diisi oleh semua sampel atau responden penyelidikan ini. Penyelidik mendapat sampel secara rawak seramai 270

orang yang terdiri daripada 70 orang guru subjek Bahasa Melayu yang mengajar sama ada di Tingkatan 1, 2, 3, 4 atau 5, dan 200 orang pelajar sama ada dari Tingkatan 1, 2, 3, 4 atau 5 dari lapan buah sekolah tersebut.

iv. Langkah IV

Kesemua sampel atau responden yang diselidik, yang telah mengisi borang soal selidik telah mengembalikan borang-borang tersebut kepada penyelidik melalui pihak yang tersebut.

v. Langkah V

Penyelidik membuat perhatian terhadap penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan guru yang mengajar hanya di Sekolah Menengah Kedai Buloh, Kota Bharu waima ikut serta di dalam atau berada di luar bilik tingkatan, semasa penyelidik ada "free-period".

vi. Langkah VI

Penyelidik menemubual guru-guru Bahasa Melayu tersebut dengan mengemukakan soalan-soalan yang bersifat terbuka (lihat Lampiran D: 223).

3.2 Pengumpulan Data

Maklumat yang hendak dikumpulkan dalam penyelidikan ini ialah maklumat daripada tinjauan tentang penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang berdasarkan soal selidik (Lampiran B dan C) dan temubual (Lampiran D).

3.2.1 Soal Selidik

Soal selidik ialah alat utama bagi mengumpulkan data dalam penyelidikan jenis tinjauan (survey). Ada pelbagai jenis soal selidik, iaitu soal selidik terbuka (open ended), soal selidik soalan dua pilihan (fixed alternative), soal selidik aneka pilihan (Ibid.: 59) dan soal selidik jenis tertutup (closed ended).

Kebanyakan soal selidik yang digunakan dalam penyelidikan ini berbentuk soalan tertutup kerana soalan jenis ini mudah dijawab oleh responden. Soalan-soalan jenis ini juga dapat memberikan jawapan yang tepat dan sesuai dengan objektif penyelidikan.

Soalan-soalan jenis terbuka terdapat juga dalam penyelidikan ini. Soalan jenis ini memberi kebebasan kepada responden untuk memilih jawapan. Kadang-kadang

jawapan yang diberikan oleh responden agak panjang. Kebaikan soalan jenis ini ialah responden boleh menjawab soalan dengan bebas dan maklumat yang lengkap dapat dikutip. Bagaimanapun, kelemahan soalan jenis ini ialah data yang diperolehi sukar untuk diproses dan ada kemungkinan penyelidik akan meringkaskan pendapat responden. Oleh itu, implikasinya ialah maklumat yang diperolehi mungkin tidak tepat (*Ibid.*: 57).

Dalam penyelidikan ini, soalan-soalan yang berbentuk pernyataan deskriptif juga diajukan, iaitu dibuat dalam bentuk 'lickert scale' atau peringkat ordinal (*Ibid.*: 116) seperti 'sangat berminat', 'berminat', 'tidak pasti', 'tidak berapa berminat' dan 'tidak berminat langsung'. Soalan bentuk ini bertujuan untuk mengukur kekerapan atau tingkah laku seseorang. Keseluruhannya, terdapat dua jenis item yang perlu diperolehi daripada soal selidik ini, iaitu untuk mendapatkan data yang bersifat fakta dan untuk mengetahui pendapat responden.

Selain itu, soalan-soalan dua pilihan (fixed alternative) juga diajukan dalam soal selidik ini. Soalan jenis ini mengandungi dua jawapan yang mungkin, iaitu 'ya' atau 'tidak'. Soalan ini dikenali juga sebagai soalan dikotomi. Dikotomi ialah angkubah yang

boleh mengambil salah satu daripada dua nilai, misalnya 'lulus' atau 'gagal'. Setengah-setengah dikotomi memang berdasarkan urutan semula jadi seperti 'lulus' (markah tinggi) dan 'gagal' (markah rendah) (Ibid.: 117).

Soal selidik dalam penyelidikan ini mengandungi bahagian-bahagian yang disatukan. Di bahagian permulaan soal selidik kepada guru (lihat Lampiran B: 202), terdapat soalan-soalan tentang butir-butir diri guru seperti jantina, keturunan, kelulusan akademik, kelulusan ikhtisas, pengalaman mengajar dan sebagainya.

Selain itu, di bahagian-bahagian lain terdapat soalan-soalan yang berkenaan dengan pengetahuan tentang sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, seperti dalam aspek objektif pengajaran dan pembelajaran BM; kesesuaian strategi dari segi pendekatan, kaedah dan teknik penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu; kriteria pemilihan dan penyesuaian bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu; objektif dan keberkesanan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu; dan peruntukan waktu sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu.

Malahan, terdapat juga soalan-soalan tentang faktor yang mempengaruhi penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu seperti minat, tanggungjawab, dan kepekaan guru terhadap bahan sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu; aspek yang ditumpukan; dan keberkesanannya bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Seperkara lagi di bahagian permulaan soal selidik kepada pelajar (lihat Lampiran C: 214), terdapat soalan-soalan tentang butiran diri pelajar. Seterusnya ialah soalan-soalan tentang minat, pengetahuan, dan pendapat pelajar tentang keistimewaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

3.2.2 Temubual

Bilangan guru Bahasa Melayu yang terlibat dengan temubual ialah seramai 16 orang. Mereka dipilih secara rawak dari kesemua sekolah yang dikaji dan dikemukakan dengan soalan-soalan bersifat terbuka (Lampiran D).

3.3 Pengolahan Data

Pengolahan data bertujuan untuk mencari sesuatu makna daripada data yang dikumpulkan. Dalam pengolahan ini, penyelidik membuat ringkasan pada data itu,

mengelompok, menyusun, menganalisis dan menafsirkannya.

Hasil pengolahan data yang diperolehi dalam penyelidikan ini merupakan hasil yang berkaitan dengan pernyataan masalah atau yang telah dilakukan oleh para sarjana dan penyelidik dan kemudiannya dikaitkan pula dengan hasil dapatan yang diperolehi daripada perbincangan seterusnya.

Pendekatan yang paling sesuai untuk mendolahkan data yang diperolehi dalam penyelidikan ini adalah dengan cara menukar maklumat data itu ke dalam bentuk peratusan.

Data yang diperolehi dalam penyelidikan ini berbentuk kualitatif. Untuk memindahkan data kualitatif kepada data kuantitatif, iaitu dalam bentuk peratusan atau dalam bentuk statistik deskriptif, penyelidik menggunakan formula:

$$\text{Peratus} = \frac{\text{Kekerapan}}{N} \times 100$$

N = Bilangan responden

(Nik Hassan Basri Hj.Nik Ab.Kadir, 1989: 42)